

Laman web bekal maklumat terkini banjir dilancar

MELAKA: Penduduk negara ini khususnya berisiko menghadapi banjir, kini boleh mendapatkan maklumat awal dan terkini secara komprehensif berhubung bencana itu di kawasan masing-masing, menerusi laman web Public Infobanjir yang dilancarkan di sini, semalam.

Laman web yang dibangunkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) ini bagi menyalurkan amaran awal, selain bagi membuat hebahan secara berkesan kepada orang ramai supaya dapat melakukan persiapan menghadapi bencana itu dan musim tengkujuh.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tan Sri Joseph Kurup berkata, semua maklumat berkaitan bencana alam itu yang dimasukkan dalam laman web berkenaan hasil kajian dibuat JPS sepanjang 10 tahun lalu.

Katanya, laman web itu turut dihubungkan dengan media sosial lain yang ada dalam internet seperti Facebook dan Twitter

“Sistem penyampaian maklumat awal banjir secara dalam talian ini diolah supaya mudah difahami dan



JOSEPH (dua dari kiri) melancarkan laman web Public Infobanjir di Melaka, semalam.

menyediakan informasi seawal dua atau tiga hari sebelum itu, khususnya membabitkan data terkini berhubung ramalan paras air sungai dan kemungkinan berlaku

banjir di kawasan mengalami hujan lebat. Selain itu, ia juga menyediakan pautan keadaan paras air sungai tertentu dan amaran awal banjir secara automatik dari

stesen hidrologi seluruh negara dengan data dihantar ke laman ini secara terus selama 24 jam sehari,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melancarkan laman web itu serentak Seminar Amalan Pengurusan Terbaik (BMP) Dalam Pengurusan Sumber Air Bersepadu (IWRM) JPS.

Turut dilancarkan adalah laman web IWRM. Seminar dihadiri kira-kira 200 peserta dari seluruh negara itu turut dihadiri Ketua Pengarah JPS, Datuk Ahmad Husaini Sulaiman.

Sementara itu, Kurup berkata, sistem ramalan banjir berasaskan hujan atmosfera (AMRFF) sudah dibangunkan di tiga kawasan lembangan di negara ini, bagi memberi ramalan banjir untuk setiap enam jam di lokasi berkenaan.

Beliau berkata, tiga kawasan itu meliputi Lembangan Sungai Pahang, Sungai Kelantan dan Sungai Johor dengan ramalan dibuat sistem ramalan global (GFS) tiga hari ke depan bagi membolehkan persediaan awal menghadapi banjir dilakukan.